



TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN
HAKISAN TANAH, PENYELENGGARAAN TAMAN
PERMAINAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI
TAMAN EKO RIMBA TELOK BAHANG, DAERAH BARAT
DAYA, PULAU PINANG**

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2023/29

Dokumen Sebut harga ini mengandungi 34 muka surat tidak termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUTHARGA

(Kew.248)

LAMPIRAN ' Q '
KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA NO: JPNPP/400-17/2023/29

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebutharga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebutharga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan : Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan : Secepat mungkin.
4. Pengirim : Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 34 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran : Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai dialamat diatas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **08/08/2023** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebut harga no : **JPNPP/400-17/2023/29**

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk : **SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN HAKISAN TANAH, PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN EKO RIMBA TELOK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2023/29**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.0	KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM.			
	KEHENDAK KONTRAK.			
1.1	Menyediakan insuran berkaitan dengan kerja-kerja seperti berikut:- a) Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation dan/ atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja) b) Insuran Liabiliti Awam dan/ atau Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut harga)	Pukal		
1.2	Menyediakan laporan bergambar bagi kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas siap kerja sebanyak 2 salinan.	Pukal		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
2.0	PEMBAIKAN HAKISAN TANAH			
2.1	Kerja-kerja membersihkan laluan pejalan kaki dan mengorek tanah untuk menyediakan tapak batu sangkar yang berukuran 3.7m(p) x 4.3m(l) x 1.2m(t) termasuk menggunakan semula tanah korekan serta merata tanah lebihan di tapak dan kerja berkaitan.	15.91m ²		
2.2	Kerja-kerja membekal dan memasang kiub batu sangkar 1.0m x 1.0m x 1.0m (Mesh wire 2.7mm dia dan mesh size 8cm x 10cm) raga gabion yang disalut PVC (PVC coated galvanised wire gabion) dengan isian batu granite saiz antara 150mm-350mm dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	19.09m ³		
2.3	Kerja-kerja membekal dan memasang lapisan Geotextile atau setaraf dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	15.91m ²		
2.4	Kerja-kerja menimbus, memadat dan meratakan tanah dengan menggunakan tanah di tempat yang perlu dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	19.09m ³		
2.5	Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di seluruh lantai serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi.	27.51m ²		
2.6	Kerja-kerja melevel dengan mencakar permukaan lapisan tanah dan membina lantai simen berukuran 5.27m(p) x 5.22m(l) dengan menghampar lapisan konkrit nisbah 1:2:4 setebal 100mm termasuk memasang dan membuka papan kotak acuan dan lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	27.51m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
2.7	Kerja-kerja membekal tenaga buruh mahir dan peralatan bagi membina lantai pejalan kaki konkrit imprint berukuran 5.27m(p) x 1.62m(l) dengan ketebalan konkrit 50mm termasuk kemas dan kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai penguasa.	8.54m ²		
2.8	Kerja-kerja membekal dan memasang 150mm diameter longkang separuh bulatan dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian sepanjang 15.6m.	15.6m		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
3.0	PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN			
3.1	Kerja-kerja membersihkan tapak dan menanggalkan 'Rubber Tiles' sediaada berukuran mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Pukal		
3.2	Kerja-kerja membekal dan memasang 'Rubber Tiles' bersaiz 2ft x 2ft berukuran 17.12m(p) x 12.03m(l) pada tapak taman permainan mengikut spesifikasi piawaian pengilang dan arahan Pegawai Penguasa.	205.95m ²		
3.3	kerja-kerja menanggal lantai konkrit sediaada dan membina baru lantai konkrit di bawah buaian dua tempat duduk berukuran 3.9m(p) x 3.22m(l) termasuk;			
	- meratakan dan memadat lapisan 150mm tebal hadkor,	12.56m ²		
	- membekal dan menghampar 1 lapis kepingan jejaring A6 atau tetulang keluli dikimpal berbertik jejaring 100mmx400mm setiap meter persegi,	12.56m ²		
	- membina lantai simen dengan menghampar lapisan konkrit nisbah 1:2:4 setebal 100mm dan	12.56m ²		
	- membekal dan memasang 'Rubber Tiles' bersaiz 2ft x 2ft berukuran 3.9m(p) x 3.22m(l) pada tapak buaian mengikut spesifikasi dan arahan dari Pegawai Penguasa.	12.56m ²		
3.4	Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di bahagian tepi lantai taman permainan berukuran 14.9m(p) x 2.5m(l) serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi.	37.0m ²		
3.5	Kerja-kerja melevel dengan mencakar permukaan lapisan tanah dan membina lantai simen dengan menghampar lapisan konkrit nisbah 1:2:4 setebal 100mm termasuk memasang dan membuka papan kotak acuan dan lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	37.0m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
3.6	Kerja-kerja menyediakan tapak bina termasuk mongorek, membuang dan membersihkan segala kotoran sampah sarap atau tumbuhan liar serta kerja-kerja berkaitan.	Pukal		
3.7	Kerja-kerja membekal dan memasang 150mm diameter longkang separuh bulatan dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian sepanjang 11.9m. Memastikan aliran air dengan baik.	11.9m		
3.8	Kerja-kerja membekal dan memasang penutup longkang besi bagi longkang bersaiz 150mm dari pelat besi keluli 19mm x 3mm tebal, dikimpal ke rangka besi 25mm x 25mm x 3mm termasuk cat tahan karat dan dua lapisan cat kilat serta kerja-kerja berkaitan.	11.9m		
3.9	Kerja-kerja penggalian tanah, membekal dan memasang paip UPVC ke dalam tanah sebanyak 2ft termasuk aksesori yang berkaitan dan di sambung antara sump ke sump serta kerja-kerja berkaitan mengikut spek dan arahan dari Pegawai Penguasa. Memastikan aliran air dengan baik.	19.5m		
3.10	Kerja-kerja membekal dan memasang pagar railing keluli lembut berukuran 20.21m(p) x 0.9m(t) termasuk mengimpal, memotong dan kelengkapan berkaitan di bahagian tepi tapak taman permainan mengikut arahan dari Pegawai Penguasa.	18.19m ²		
3.11	Kerja-kerja mengikis cat kapur lama, distamer lama dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semula retak dan permukaan lain yang cacat pada bahagian dinding bangunan luar dan dalam.	51.35m ²		
3.12	Kerja-kerja mengecat dengan 1 lapisan " <i>undercoat</i> " dan 2 lapis " <i>finishing</i> " dari jenis " <i>weathershield</i> " pada permukaan dinding luar mengikut arahan Pegawai Penguasa. (warna akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa)	51.35m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
3.12	Kerja-kerja menyediakan tenaga kerja, peralatan, menanggal, membersihkan dan membuang keseluruhan pagar kayu sedia ada termasuk asas pad dan kemasan berkaitan sepanjang 22meter serta lain-lain kerja berkaitan dengannya. (Rujuk di tapak) (PAGAR KAYU DIBINA SEPANJANG 22 METER) (RUJUK LAMPIRAN) (JENIS KAYU S.G.1 : BALAU)	Pukal		
3.13	Kerja-kerja menggali/mengorek lubang asas pad bersaiz 300mm(p) x 300mm(l) x 300mm(t) sebanyak 15 lubang termasuk kerja-kerja berkaitan.	17 unit		
3.14	Kerja-kerja membekal dan memasang Tiang Kayu Baru yang diketam kedua-dua belah muka bersaiz 10cm(p) x 10cm(l) x 1.5m(t) yang ditanam menggunakan konkrit nisbah 1:2:4 serta lain-lain kerja berkaitan dengannya. (Jarak setiap tiang ke tiang ialah sepanjang 1.5m)	17 unit		
3.15	Kerja-kerja membekal dan memasang Kayu Alang Baru yang diketam kedua-dua belah muka bersaiz 1.5m(p) x 10cm(l) untuk 1 petak pagar mengikut spesifikasi dan arahan dari Pegawai Penguasa.	34 unit		
3.16	Kerja-kerja membekal dan memasang Bilah-Bilah Kayu Baru yang diketam kedua-dua belah muka bersaiz 1.0m(t) x 10cm(l) serta lain-lain kerja berkaitan dengannya.	102 unit		
3.17	Kerja-kerja menyediakan permukaan dan menyapu dua lapisan minyak kayu (Creosote) pada keseluruhan permukaan kayu sebelum kerja pemasangan dijalankan dan diikuti dengan satu lapisan lagi setelah kerja kayu siap dipasang keseluruhannya dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	22.0m		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
4.0	TEMPAT MEMASAK			
4.1	Kerja-kerja membuka pagar jenis 'chain link' sediaada yang rosak dan buang dari tapak pembinaan sepanjang 35.13m.	35.13m		
4.2	Kerja-kerja membina pagar baru 'chain link' jejaring berangkai 3.5mm tebal dari keluli tergalvani bersalut PVC dengan jejaring berukuran 50mm berbentuk berlian di tempat memasak setinggi 1600mm.	23.8m		
4.3	Kerja-kerja membina tembok dinding dengan mengikat batu bata simen dan meletakkan exmet wire pada setiap 4 lapisan ikatan bata termasuk kerja-kerja melepa simen mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	11.33m		
4.4	Kerja-kerja membina tiang konkrit di setiap 2.5m dengan memasang besi tetulang 4Y12, link R6-6 di sepanjang pembinaan tembok mengikut spesifikasi dan arahan dari Pegawai Penguasa.	5 no		
4.5	Kerja-kerja mengikis cat kapur lama, distamer lama dan sebagainya dari permukaan yang dilepa, basuh dan membaiki semula retak dan permukaan lain yang cacat pada bahagian dinding bangunan luar dan dalam.	24.0m ²		
4.6	Kerja-kerja mengecat dengan 1 lapisan " <i>undercoat</i> " dan 2 lapis " <i>finishing</i> " dari jenis " <i>weathershield</i> " pada permukaan dinding luar mengikut arahan Pegawai Penguasa. (warna akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa)	35.33m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
4.7	Kerja-kerja membekal dan menghampar 1 lapis BRC A6 di bahagian lantai tempat memasak berukuran 35.13m(p) x 0.25m(l) serta kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi.	8.78m ²		
4.8	Kerja-kerja melevel dengan mencakar permukaan lapisan tanah dan membina lantai simen dengan menghampar lapisan konkrit nisbah 1:2:4 setebal 100mm termasuk memasang dan membuka papan kotak acuan dan lain-lain kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	8.78m ²		
4.9	Kerja-kerja menyediakan segala peralatan dan tenaga kerja mahir, pengangkutan dan jentera serta lain-lain keperluan bagi melaksanakan kerja-kerja meroboh dan membuang segala struktur bumbung Bangunan Informasi (TIDAK TERMASUK KERANGKA) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	66.81m ²		
4.10	Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh untuk memasang kemasan bumbung Jenis Metel Deck Gred 28 ketebalan 0.38mm termasuk perabung atau setaraf dipasang mengikut jarak yang disyorkan oleh pengilang dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.	75.91m ²		
4.11	Kerja-kerja membekal tenaga kerja dan peralatan kerja cat antikarat dan cat kemasan warna jenis besi pada rangka bumbung.	Pukal		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
4.12	<i>Kerja-kerja elektrik</i>			
4.12 (a)	Kerja-kerja menyelenggara dan mengemaskini kabel elektrik di wakaf memasak sehingga dapat digunakan semula dengan baik.	Pukal		
4.12 (b)	Kerja-kerja menanggal, membekal dan memasang lampu kalimantang jenis LED 18W serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	6 no		
4.12 (c)	Kerja-kerja membekal dan memasang soket alur keluar kuasa I/d suis soket alur keluar 13A menggunakan kabel 2 x 1.5mm persegi I/d kabel perlindungan menggunakan pendawaian baru.	4 no		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
5.0	PENURAPAN SEMULA JALAN TAR			
5.1	Kerja-kerja membekal dan memadatkan crusher run pada jalan yang berlopak dan rosak di kawasan Wakaf A dan bersebelahan Gerai A dengan mengorek buang terlebih dahulu permukaan tar lama serta lain-lain kerja berkaitan dengannya.	350.44m ²		
5.2	Membekal dan meratakan 50mm tebal lapisan haus ACW14 dengan menggunakan paver termasuk satu lapis tack coat(RS1K) disembur pada kadar 2liter/meter persegi dan dimampatkan dengan mesin pengelek 8 tan termasuk kerja-kerja 'double handling'.	350.44m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
6.0	KERJA-KERJA BERKAITAN			
6.1	Kerja-kerja membekal dan memasang kerusi konkrit jenis simen fero yang bertulis Jabatan Perhutanan Negeri mengikut spesifikasi dan diletakkan di kawasan taman permainan.	2 set		
6.2	Kerja-kerja menanggalkan pagar kayu dua pintu sedia ada di laluan moto berhampiran pejabat.	1 no		
6.3	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu pagar jenis besi penghadang mudah alih dua pintu dari jenis 'stainless steel' berkepala bulat atau setaraf dengannya termasuk pemasangan 2 unit tiang Φ diameter 100mm dan aksesori kelengkapan termasuk selak kunci berukuran 3.25m(lebar) x 0.9m(tinggi) dan di tanam bersama bancuhan konkrit serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	1 no		
6.4	Kerja – kerja merekabentuk, membekal dan memasang papan tanda bertulis (MOTOSIKAL DILARANG MASUK KECUALI KAKITANGAN) yang diperbuat dari jenis kepingan logam aluminium composit AC Board yang dicetak menggunakan kaedah 'Direct/Inject Print UV' dan kemasan terlibat dengan merujuk spesifikasi dan arahan dari Pegawai Penguasa.	1 no		
6.5	Kerja-kerja merobohkan tangga sedia ada dan menyediakan tapak berhampiran pejabat.	Pukal		
6.7	Kerja-kerja membina sebuah tangga konkrit dan dikemaskan dengan lapisan "Pebble Wash Stone" dengan berukuran 2.4m(l) x 0.8m(t) dan kemasan serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	1.92m ²		
	JUMLAH			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
7.0	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN			
7.1	Kerja-kerja mengetuk dan menanggalkan papan gelongsor konkrit sedia ada di kolam mandi sehingga sempurna.	Pukal		
7.2	Kerja-kerja membawa segala sisa buangan pembinaan keluar dari kawasan Taman Eko Rimba Telok Bahang ke tapak pelupusan yang diiktiraf oleh MBPP. NOTA : <i>i) Anggaran kuantiti di borang adalah untuk memudahkan pemborong menurunkan harga. Adalah tanggungjawab pemborong untuk menentukan kuantiti sebenar bagi skop kerja sebagaimana butiran berikut dan pelan kerja. Pemborong tidak dibenarkan menuntut sebarang tambahan harga jika terdapat kesilapan dalam anggaran Jabatan.</i>	Pukal		
	JUMLAH			

JUMLAH KESELURUHAN : _____

RINGGIT MALAYSIA : _____

TEMPOH SIAP KERJA : _____

.....
Tandatangan
Metri atau Cop Syarikat

SYARAT-SYARAT KONTRAK.

- 1.0 Denda.
Denda kelewatan Siap Kerja sebanyak RM25.00 / hari boleh dikenakan.
- 2.0 Sebelum Inden Kerja dikeluarkan, pemborong adalah dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri perkara-perkara berikut:

Polisi – Polisi	Nilai
i. Insuran Kerja	100% dari harga sebutharga
ii. Pampasan Pekerja	30% dari harga sebutharga
iii. Pampasan Am dan	RM10,000 untuk harga sebutharga yang tidak melebihi RM25,000 dan RM25,000 untuk harga sebutharga diantara RM25,000 hingga RM50,000.

- 3.0 Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebutharga ini.
- 4.0 Pemborong mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebutharga dari pemborong berkenaan akan ditolak.
- 5.0 Pemborong yang **enggan** menandatangani sesuatu sebutharga selepas sebutharganya diterima atau **menarik balik** sebutharganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**.
- 6.0 Sekiranya pemborong **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Jabatan Perhutanan berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.
- 7.0 Sekiranya pihak jabatan **tidak berpuashati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, jabatan boleh **membatalkan** tawarannya atau kontrak yang telah dikeluarkan

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN HAKISAN TANAH,
PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN
DI TAMAN EKO RIMBA TELOK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU
PINANG (JPNPP/400-17/2023/29)**

Saya,.....nombor K.P.yang mewakili
.....nombor
Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana
individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas.
Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan
Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil:

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
2. penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/ sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis
yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JPNPP/400-17/2023/29** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang

ditetapkan.

- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi8.... minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM10.00..... (Ringgit Malaysia:Sepuluh..... sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

* Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
- (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

** Potong jika tidak diperlukan*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor- kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan- salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil : **JPNPP/400-17/2023/29**

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:
.....(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....

.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....

Meterai atau Cop Kontraktor

Sebut harga

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....

Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Kontraktor mesti memberikan maklumat sepenuhnya diborang Bahagian A, B, & C ini. Jika tidak mereka dianggap menyalahi syarat-syarat sebutharga.

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. Kelas : Tajuk/Tajuk Kecil: Tarikh Didaftar
.....
4. Ahli-ahli Pengurusan:

Nama	Jawatan	Kelulusan/Akademik/Iktisas

BAHAGIAN B

Senaraikan tiga kerja-kerja yang TELAH disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh siap sebenar

BAHAGIAN C

Senaraikan tiga kerja-kerja yang SEDANG disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	% Kemajuan semasa

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	☐	☐
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	☐	☐
8	Borang Maklumat Penyebut harga	☐	☐
9	Pematuhan Kepada spesifikasi	☐	☐
10	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
11	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	☐	☐
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
13	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
14	Surat Akuan Pembida	☐	☐
15	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:
--	--

KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
BIL. SEBUT HARGA : JPNPP/400-17/2023/29

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Kelas G1 Taraf Bumiputera Di Bawah Kategori CE Pengkhususan CE21 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam (Gred-G1-CE21)** dari **Daerah Barat Daya Sahaja** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

No. Sebut harga	Perihal Kerja :
JPNPP/400-17/2023/29	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN HAKISAN TANAH, PENYELENGGARAAN TAMAN PERMAINAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN EKO RIMBA TELOK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

2. Dokumen-dokumen sebut harga boleh disemak pada waktu pejabat di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Tingkat 34, MENARA KOMTAR, Pulau Pinang dari **26 JULAI 2023(RABU)**.
3. Kontraktor-kontraktor yang berminat **WAJIB** dikehendaki menghadiri sesi **PENDAFTARAN** pada **(SELASA) 01 OGOS 2023** di **TAMAN EKO RIMBA TELOK BAHANG, PULAU PINANG, JAM 10.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI** pada hari tersebut.
4. Borang sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah dikehendaki mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang berkaitan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. Sebarang **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikemukakan tidak akan dilayan.
5. Lawatan tapak hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat berkenaan dan bukan diwakilkan dengan mengemukakan salinan sijil asal.
6. Borang sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web <http://ep.penang.gov.my> dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) mulai **01 OGOS 2023 (SELASA)**
7. Sebut harga ini akan ditutup pada **08 OGOS 2023 (SELASA)**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga di Tingkat 34, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sebelum **JAM 12.00 Tengahari**.
8. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

Tarikh:

Peringatan ;

- 1) **Kontraktor/penyebut harga perlu mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia atas pemakaian penutup hidung dan muka (*face mask*) dan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitizer*) ;**
- 2) **Penjarakan sosial perlu dipatuhi setiap masa.**

LAMPIRAN

